

Headline	Ujian vaksin HIV berakhir dengan kegagalan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	27 Apr 2013	Color	Black/white
Section	Dunia/Asean	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	99 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 204
Frequency	Daily	PR Value	RM 612



## Ujian vaksin HIV berakhir dengan kegagalan

WASHINGTON: Pihak berkuasa AS mengumumkan pada Khamis bahawa mereka telah menamatkan ujian klinikal untuk eksperimen vaksin yang direka bagi menghentikan virus yang membawa kepada penyakit AIDS itu selepas mendapati ia tidak menghalang jangkitan.

Program ini, yang bermula pada 2009, adalah yang terbaru dalam siri kajian tidak berjaya ke atas calon vaksin yang bertujuan untuk menangani virus HIV.

Institut Kebangsaan bagi Alahan dan

Penyakit Berjangkit (NIAID) berkata, sukarelawan di 19 bandaraya Amerika Syarikat – sama ada lelaki gay atau transgender yang mengadakan hubungan seks dengan lelaki – mengambil bahagian dalam kajian tersebut, dengan vaksin HVTN 505 diberikan kepada 1,250 dan 1,244 menerima plasebo.

Sebuah panel menganalisis hasil kajian pada 22 April dan mengesyorkan penamatan program ini selepas kajian menunjukkan 41 jangkitan di kalangan mereka yang telah menerima vaksin berbanding 30 dalam kumpulan plase-

bo.

NIAID, sebahagian daripada Institut Kesihatan Kebangsaan yang membiayai ujian klinikal itu berkata, ia merancang terus mengkaji peserta untuk lanjutan analisis hasil kajian.

Dianggarkan 34 juta orang dijangkiti HIV di seluruh dunia, termasuk 3.4 juta kanak-kanak.

AIDS telah membunuh 30 juta orang sejak bermulanya wabak ini 30 tahun lalu dan dianggarkan 1.8 juta orang mati akibat penyakit ini setiap tahun. – AFP